



15 NOV, 2022

## TNBV Felda berkolaborasi dalam teknologi hijau

Utusan Malaysia, Malaysia



Page 1 of 2

# TNB, Felda berkolaborasi dalam teknologi hijau

**PETALING JAYA:** Tenaga Nasional Berhad (TNB) menerusi anak syarikat milik penuhnya, GSPARX Sdn. Bhd. (GSPARX) terus mendapat sokongan agensi-agensi kerajaan dalam menggiatkan peralihan tenaga.

Terbaharu, GSPARX berkolaborasi dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) dalam teknologi hijau ke arah pengurangan jejak karbon melalui pemasangan sistem solar fotovoltaik atas bumbung di 14 premis kenyataan Felda di Semenanjung Malaysia dengan kapasiti 1.6 MWp (Megawatt peak).

Melalui kerjasama itu, Felda akan mendapat penjimatan bil elektrik sebanyak RM10.74 juta sepanjang tempoh kontrak dan inisiatif peralihan tenaga tersebut mampu mengurangkan 1,321 tan metrik karbon dioksida setahun.

Menurut Ketua Pegawai Retail TNB, Kamal Arifin A. Rahman, inisiatif teknologi hijau itu bakal mempertingkatkan impak pembangunan mesra alam dan ke-



**NASARUDDIN Mohd. Zaini (dua dari kiri), Amiruddin Abdul Satar (tiga dari kiri) dan Pengarah Urusan GSPARX Sdn. Bhd., Elmi Fairul Mashuri menunjukkan dokumen yang tandatangani.**

sejahteraan sejagat sejajar komitmen TNB terhadap Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG).

“Perjanjian ini juga merangkumi solusi tenaga pintar lain seperti Tarik Elektrik Hijau (GET) apabila kuota tersedia, seterusnya aspek kecekapan tenaga dan

sistem pemantauan tenaga (EMS) dalam mengurangkan pelepasan karbon,” katanya dalam kenyataan sempena majlis menandatangani Perjanjian Bekalan Tenaga Boleh Baharu (SARE) di Menara Felda, baru-baru ini.

Perjanjian itu ditandatangani

Ketua Pegawai Pelanggan (*Government & Large Business*) Bahagian Retail TNB, Nasaruddin Mohd Zaini; Pengarah Urusan GSPARX Sdn.Bhd., Elmi Fairul Mashuri dan Pengarah Besar Felda, Datuk Amiruddin Abdul Satar.